



Liberty
Insurance.[®]

PA Flexicare
Terma & Syarat

Polisi Pelan PA FlexiCare

BAHAWASANYA Pihak Diinsuranskan yang diperihalkan dalam Jadual bersama-sama dokumen ini telah membuat kepada Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P) suatu Cadangan dan Perakuan bertulis yang akan menjadi asas Kontrak ini dan disifatkan terkandung dalam dokumen ini dan telah membayar Premium yang dinyatakan dalam Jadual bersama-sama dokumen ini sebagai balasan untuk Insurans yang terkandung kemudian dari ini.

MAKA DENGAN INI POLISI INI MENYAKSIKANNYA bahawa jika Pihak Diinsuranskan mengalami apa-apa kecederaan anggota atau kematian akibat kejadian yang diperihalkan dalam Jadual Faedah yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh cara yang tidak sengaja pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam dokumen ini atau dalam mana-mana tempoh tambahan yang Syarikat boleh menerima bayaran untuk pembaharuannya, Syarikat hendaklah membayar Pihak Diinsuranskan atau sekiranya berlaku kematian Pihak Diinsuranskan kepada penamanya sebagai wasi menurut arahan penamaan dan/atau pemegang amanah bagi amanah yang diwujudkan melalui penamaan sedemikian selaras dengan Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan/atau pemegang serah hak, menurut mana yang berkenaan, Pampasan yang ditetapkan dalam Jadual Faedah jika mana-mana perkara seperti yang dinyatakan sebelum ini terjadi.

Polisi ini menyediakan perlindungan seluruh dunia 24 jam termasuk bagi kecederaan anggota yang disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung oleh pembunuhan dan serangan dan kecederaan anggota yang disebabkan secara langsung oleh Kebakaran, Pengambilan Tebusan, Mogok, Rusuhan, Kekacauan Awam, perjalanan udara sebagai penumpang di dalam mana-mana pesawat udara pembawa penumpang yang berlesen dalam penerbangan yang dijadualkan atau tidak dijadualkan dan semasa terlibat atau menyertai mana-mana sukan pada aras amatur tidak termasuk yang ditentukan di bawah Kekecualian 6 Polisi ini.

Polisi ini juga diperluas untuk melindungi kematian melalui kemalangan, kehilangan tak sengaja atau cacat anggota secara langsung atau secara tidak langsung yang disebabkan oleh arak yang memabukkan, sedutan gas, kematian akibat terkena kejutan elektrik, lemas, keracunan makanan dan minuman, serangga berbahaya (tidak termasuk nyamuk), gigitan ular dan haiwan tetapi sentiasa tidak termasuk kematian, cacat anggota atau perbelanjaan perubatan akibat penyakit-penyakit atau penyakit yang disebabkan oleh atau timbul daripada apa-apa gigitan sedemikian dan bencana alam seperti gempa bumi, ribut angin, letupan gunung berapi, banjir, kilat, gelombang pasang surut/ tsunami, hurikan, puting beliung dan taufan.

Syarikat hendaklah juga membayar untuk:-

1. Belanja Pengebumian - Syarikat akan membayar kepada penama, pemegang amanah atau pemegang serah hak Pihak Diinsuranskan, mengikut mana yang berkenaan, amaun yang ditetapkan dalam Jadual Faedah sebagai belanja pengebumian sekiranya Pihak Diinsuranskan mati kemalangan.
2. Elaun Perjalanan sebanyak RM200 setiap minggu boleh dibayar kepada ahli-ahli keluarga terdekat Pihak Diinsuranskan (iaitu bapa, ibu, adik, abang, kakak, isteri, suami atau anak-anak) untuk belanja perjalanan ke dan dari hospital sekiranya Pihak Diinsuranskan dimasukkan ke hospital akibat kemalangan. Amaun maksimum boleh bayar ialah RM1,500 setiap kemalangan.
3. Faedah Pemulihan – Sekiranya berlaku penahanan di hospital yang melebihi 7 hari atau lebih, jumlah tambahan boleh bayar berhubung dengan setiap kemalangan berjumlah RM1, 000 apabila dibenarkan keluar dari hospital.
4. Pendapatan Hospital – Faedah harian seperti yang ditetapkan dalam Jadual Faedah boleh dibayar bagi tempoh Pihak Diinsuranskan terlantar di hospital untuk rawatan kecederaan anggota akibat kemalangan yang dilindungi. Tempoh maksimum boleh bayar untuk manfaat ini ialah 180 hari.

5. Pembedahan Pergigian Atau Pembetulan Kosmetik

Syarikat akan membayar balik Pihak Diinsuranskan sehingga amaun yang ditetapkan dalam jadual berhubung dengan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan untuk pembedahan Pembetulan Pergigian atau Kosmetik Pembetulan yang dijalankan pada leher atau kepala Pihak Diinsuranskan berikutan kecederaan yang dialami akibat kemalangan, dengan syarat:-

- i) Pembedahan Pembetulan Pergigian dan/atau Kosmetik Pembetulan sedemikian disyorkan oleh Pakar Ortodontik atau Pakar Bedah Kosmetik yang berlesen.
- ii) Pembedahan Pembetulan Pergigian dan/atau Kosmetik Pembetulan sedemikian dilaksanakan oleh Pakar Ortodontik atau Pakar Bedah Kosmetik yang berlesen.

6. Perbelanjaan Penghantaran Balik

Syarikat akan membayar balik wakil sah Pihak Diinsuranskan sehingga maksimum RM3,000 untuk belanja penghantaran balik yang ditanggung dalam penghantaran balik jenazah Pihak Diinsuranskan ke tanah air Pihak Diinsuranskan jika kematian Pihak Diinsuranskan disebabkan oleh kemalangan semasa mengembara di luar tanah airnya.

Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau ungkapan yang mempunyai makna khusus pada mana-mana bahagian Polisi atau Jadual ini, hendaklah memberi makna khusus sedemikian di mana sahaja makna tersebut muncul.

Jadual Faedah	Emas	Berlian	Platinum
FAEDAH DAN JENIS PELAN	(RM)	(RM)	(RM)
Kematian	100,000	200,000	300,000
Hilang Upaya Kekal	100,000	200,000	300,000
Belanja Pengebumian	5,000	6,000	7,000
Elaun Perjalanan (had RM200 seminggu)	1,500	1,500	1,500
Faedah Pemulihan	1,000	1,000	1,000
Pendapatan Hospital (Setiap hari, sehingga 180 hari)	150	200	250
Pembedahan Pergigian Atau Pembetulan Kosmetik	3,000	4,000	5,000
Perbelanjaan Perubatan	5,000	5,000	5,000
Perbelanjaan Penghantaran Balik	3,000	3,000	3,000

KEKECUALIAN

Polisi ini tidak akan melindungi Kematian, atau apa-apa kecederaan atau Hilang Upaya secara langsung atau secara tidak langsung yang disebabkan:-

1. oleh perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, rampasan kuasa tentera atau rampasan kuasa.
2. oleh pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau apa-apa kejadian atau sebab yang menentukan perisytiharan atau pengkalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan.
3. oleh apa-apa tindakan mana-mana orang bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan *de jure* atau *de facto* melalui kekerasan atau mempengaruhi melalui tindakan pengganas atau keganasan.
4. oleh sawan, hernia, penyakit atau apa-apa jenis jangkitan penyakit kelamin atau parasit termasuk yang berkaitan dengan kehamilan, melahirkan anak, keguguran, waktu bersalin atau apa-apa komplikasi daripadanya melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan, Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS), kemabukan ubat, bunuh diri atau percubaan bunuh diri (sama ada feloni atau tidak), serangan kerana dibangkitkan kemarahan, kecederaan yang disengajakan, pernyataan kehakiman, tindakan yang menyalahi undang-undang pada bahagian Pihak Diinsuranskan atau pendedahan sengaja Pihak Diinsuranskan terhadap bahaya yang tidak perlu kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia.
5. ketika Pihak Diinsuranskan berada dalam keadaan tak sempurna akal.
6. ketika Pihak Diinsuranskan melibatkan diri dalam pendakian gunung yang memerlukan tali atau pemandu, memanjat batu, lumba kuda berhalangan, polo, apa-apa jenis pemanduan perlumbaan motor, penerbangan persendirian dan/atau sebagai ahli anak kapal udara yang aktif, sukan aeronautik, payung terjun, luncur udara atau luncur tangan, lompat lelabah, menunggang kuda, memburu, lumba layar, bermain ski air, menyelam skuba, apa-apa jenis sukan ais atau sukan musim sejuk, tinju, gusti dan latihan atau melaksanakan apa-apa bentuk seni mempertahankan diri, akrobatik atau jenis sukan sentuh badan yang serupa melainkan izin Syarikat telah diperoleh terlebih dahulu dan polisi telah diendors dengan sewajarnya. Dalam apa-apa hal pun, mana-mana orang yang melibatkan diri atau mengambil bahagian dalam apa-apa sukan secara profesional tidak akan dilindungi di bawah Polisi ini.
7. Pihak Diinsuranskan berada di dalam atau di atas atau memasuki atau turun dari apa-apa jenis Pesawat Udara atau disebabkan oleh atau akibat turun atau terjatuh dari Pesawat Udara yang sedemikian kecuali berhubung dengan perjalanan Pihak Diinsuranskan sebagai penumpang bertiket di laluan udara yang rasmi di dalam pesawat udara jenis standard yang berlesen sepenuhnya yang dimiliki dan/atau dikendalikan oleh Talian Udara yang diiktiraf. Untuk tujuan kekecualian ini, Pihak Diinsuranskan tidak akan dilindungi jika dia terlibat dalam apa-apa operasi teknikal atau pandu arah yang lain ketika berada di dalam pesawat.oleh atau antara faktor yang disebabkan oleh atau timbul daripada sinaran pengionan atau pencemaran oleh radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada apa-apa sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear.
8. timbul daripada atau akibat daripada atau antara faktor yang disebabkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), walau bagaimanapun sindrom ini diperoleh atau mungkin dinamakan.
9. Oleh kecacatan jasmani atau mental yang wujud terlebih dahulu, penyakit yang disebabkan oleh serangga berbahaya, nyamuk, gigitan ular atau haiwan, dan kematian akibat dadah.

10. KLAUSA PENGECUALIAN KERUGIAN SIBER TERHAD

1. Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini, Polisi ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
2. Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
 - 2.1. penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
 - 2.2. pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
 - 2.3. akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
 - 2.4. ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
 - 2.5. sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan 2.1 hingga 2.4 di atas;
 - 2.6. sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer Rangkaian Komputer atau Data.
3. Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
4. Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
5. Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer

11. KLAUSA PENGECUALIAN PANDEMIK.

1. Polisi ini akan mengecualikan semua kerugian yang timbul daripada, disumbangkan oleh, atau berpunca daripada sebarang pandemik. Dengan ini, punca penyumbang kepada pandemik adalah mencukupi.
2. Pandemik menurut perenggan 1 merujuk kepada semua penyakit atau patogen yang diisytiharkan sedemikian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pengecualian ini terpakai dari tarikh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan wabak itu.
3. Jika Syarikat mendakwa bahawa disebabkan oleh pengecualian ini, sebarang kerugian tidak dilindungi oleh Polisi ini, beban untuk membuktikan sebaliknya adalah tanggungjawab Pihak Diinsuranskan.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat polisi ini.

SYARAT-SYARAT

1. Semua feadah di bawah Polisi ini hendaklah dilucut hak sekiranya ada apa – apa salah nyata atau tidak dimasukkan dalam mana – mana pernyataan atau bantahan yang diberi kepada Syarikat untuk Insurans ini atau dalam cadangan atau dalam mana – mana butiran tambahan padanya atau dalam mana–mana pernyataan yang dibuat untuk melanjutkan Insurans ini atau berhubung dengan tuntutan di bawah dokumen ini atau jika terdapat apa-apa perubahan keadaan yang boleh meningkatkan risiko termasuk perubahan pekerjaan melainkan notis perubahan sedemikian telah diberikan kepada Syarikat dan izin bertulis mereka untuk melanjutkan insurans telah diperoleh.
2. Sebaik sahaja Pihak Diinsuranskan atau mana-mana orang bertanggungjawab bagi pihak Pihak Diinsuranskan menyedari apa-apa kejadian yang boleh menyebabkan tuntutan di bawah Polisi ini hendaklah memberitahu hal itu kepada Syarikat dan semua maklumat sokongan dan dokumen dalam pengetahuan atau milik Pihak Diinsuranskan atau orang lain yang sedemikian atau mana-mana orang bagi pihak mereka atau mana-mana seorang daripada mereka yang perlu bagi tujuan menangani perkara itu hendaklah dengan kadar yang munasabah segera dihantar serah kepada Syarikat atau bagi pihak dan atas perbelanjaan Pihak Diinsuranskan. Bukti lanjut sedemikian (termasuk sijil perubatan dan sijil kematian dan akuan berkanun) sebagaimana yang dihendaki secara munasabah oleh Syarikat hendaklah dibekalkan juga.
3. Apabila berlaku apa-apa kejadian yang boleh menyebabkan tuntutan di bawah Polisi ini Pihak Diinsuranskan hendaklah dalam tempoh 2 bulan dirawat oleh pengamal perubatan yang layak dan berdaftar dengan sewajarnya dan dalam tempoh 7 hari selepas permintaan hendaklah dibekalkan kepada Syarikat oleh dan atas perbelanjaan Pihak Diinsuranskan laporan bertulis oleh pengamal sedemikian yang menyatakan kejadian kecederaan sifat dan takat kecederaan diterima dan butir-butir apa-apa pembedahan yang dijalankan atau mungkin akan dijalankan dan secara umumnya butir-butir lain sedemikian berkenaan dengan kecederaan sedemikian sebagaimana yang dihendaki secara munasabah oleh Syarikat. Pihak Diinsuranskan hendaklah mendapatkan rawatan perubatan dan pembedahan (termasuk apa-apa pembedahan) yang mungkin dianggap perlu oleh Penasihat Perubatan Pihak Diinsuranskan. Pihak Diinsuranskan hendaklah selepas berlakunya apa-apa kejadian seperti yang tersebut sebelumnya pada waktu yang munasabah mendapatkan pemeriksaan perubatan daripada pengamal perubatan yang layak dan berdaftar dengan sewajarnya yang dilantik oleh Syarikat dan sekiranya berlaku kematian Syarikat hendaklah berhak atas perbelanjaannya sendiri membuat pemeriksaan post-mortem oleh atau dengan kehadiran pengamal perubatan sedemikian yang dilantik seperti yang disebut sebelumnya.
4. Adalah dipersetujui bahawa Pihak Diinsuranskan yang berumur antara 18 hingga 70 tahun pada tarikh bermula polisi mereka bebas daripada kecacatan jasmani dan dalam keadaan kesihatan yang normal.
5. Polisi ini boleh diperbaharui dari setahun ke setahun atas persetujuan bersama antara Pihak Diinsuranskan dengan Syarikat tetapi dalam apa-apa hal pun tertakluk pada semakan pada akhir Tempoh Insurans ketika orang yang diinsuranskan mencapai Umur Maksimum yang dinyatakan dalam Syarat 4 di atas.
6. **PEMBATALAN:** Syarikat boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa melalui notis bertulis yang dihantar serah kepada Pihak Diinsuranskan atau dihantar melalui pos kepada alamat terakhirnya seperti yang ditunjukkan oleh rekod Syarikat yang menyatakan selepas itu pembatalan sedemikian hendaklah dikuatkuasakan sekiranya berlaku pembatalan yang sedemikian, Syarikat akan mengembalikan bahagian tak peroleh pro rata bagi apa-apa premium sebenar yang dibayar oleh Pihak Diinsuranskan. Pembatalan sedemikian hendaklah tanpa prasangka terhadap apa-apa tuntutan yang dibuat sebelumnya. Sekiranya polisi dibatalkan oleh Pihak Diinsuranskan, premium diperoleh hendaklah dikira selaras dengan jadual kadar tempoh pendek yang digunakan oleh syarikat pada bila-bila masa pembatalan.

Kadar Tempoh Pendek

-Tidak melebihi satu bulan kalendar	25%
-Melebihi satu bulan tetapi sehingga 3 bulan	50%
-Melebihi tiga bulan tetapi sehingga 6 bulan	75%
-Melebihi enam bulan tetapi sehingga 9 bulan	90%
-Melebihi sembilan bulan	100%

7. Terma dan syarat Polisi ini selagi mengandungi apa-apa peruntukan untuk dipatuhi atau dipenuhi oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan hendaklah setakat yang boleh dilaksanakan berhubung dengan sifatnya menjadi syarat duluan kepada liabiliti Syarikat menurut dokumen ini. Dalam semua kes apabila Polisi ini menjadi tidak sah atau apa-apa faedah dirampas premium yang telah dibayar akan dikekalkan oleh Syarikat.
8. Syarikat tidak akan terikat oleh mana-mana resit premium kecuali diberikan dalam bentuk borang rasmi bercetak. Pindaan dalam terma Polisi ini dan pengendorsan pada dokumen ini atau tambahan bersama-sama dokumen ini tidak akan diterima sebagai sah melainkan telah dibuat dan ditandatangani oleh Pegawai Ejen Berdaftar atau Wakil Syarikat.
9. Segala perbezaan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak atau sekiranya mereka tidak dapat bersetuju dengan seorang Penimbang Tara, dua Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dan Penimbang Tara sedemikian hendaklah sebelum memulakan perujukan mereka memilih seorang Wasit. Dalam segala hal lain Timbang Tara hendaklah tertakluk pada peruntukan berkanun yang sedang berkuat kuasa berhubung dengan Timbang Tara. Melainkan dan sehingga award telah dibuat tindakan atau prosiding undang-undang yang lain hendaklah tidak dimulakan berhubung dengan apa-apa tuntutan di bawah atau menurut kuasa Polisi ini. Selepas tamat tempoh satu tahun dari tarikh apa-apa kejadian yang menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini Syarikat hendaklah tidak bertanggungjawab berhubung dengan tuntutan ini melainkan Syarikat telah mengakui liabiliti berhubung dengan tuntutan sedemikian atau tuntutan yang sementara itu telah dirujuk kepada Timbang Tara.

KELAYAKAN

Faedah hanya boleh dibayar sekiranya kematian atau kerugian berlaku atau cacat anggota bermula dalam tempoh dua belas bulan kalendar dari kemalangan itu. Bagi tujuan Polisi ini cacat anggota bermaksud kecacatan anggota berikutan pekerjaan, perniagaan dan tugas Pihak Diinsuranskan.

Syarikat akan memberi pampasan, dengan syarat keadaan Kehilangan Upaya Kekal itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kemalangan, dan dengan sepenuhnya menghalang Pihak yang Diinsuranskan daripada terlibat dalam mana-mana jenis pekerjaan dan di mana Kehilangan Upaya Kekal itu tidak dapat dipulihkan semula.

Bayaran dan Perbelanjaan Perubatan hendaklah hanya terpakai untuk perbelanjaan yang ditanggung akibat kemalangan yang berkaitan dengan rawatan perubatan atau pembedahan oleh pengamal perubatan yang layak atau berhubung dengan kemasukan ke hospital atau perkhidmatan jururawat yang layak atau penggunaan pembalut atau untuk pemeriksaan menggunakan sinar-x atau untuk penggunaan bilik pembedahan dan/atau ambulans, atau untuk pemberian ubat atau anestetik yang preskripsi dibuat oleh pengamal perubatan yang layak.

Perbelanjaan perubatan hendaklah termasuk perkara-perkara yang berikut:-

Sinseh atau Rawatan Tradisional - Syarikat akan membayar balik kos Sinseh atau Rawatan Tradisional termasuk ubat tertakluk pada had maksimum RM250.00.

Bayaran untuk Laporan perubatan dan/atau Laporan *post-mortem* - Syarikat akan membayar balik kos sebenar sepenuhnya sebagai sebahagian daripada Perbelanjaan Perubatan.

NOTIS PENTING

1. Polisi ini dan Syarat-syaratnya hendaklah disemak dan jika tidak betul dipulangkan dengan segera untuk pindaan.
2. Sekiranya berlaku apa-apa kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan notis hendaklah diberikan dengan **SERTA-MERTA** kepada pejabat terdekat diikuti dengan langkah-langkah selanjutnya yang sedemikian sebagaimana yang dikehendaki oleh Syarat-syarat Polisi.
3. Semua Premium hendaklah dibayar terus kepada Syarikat. Bayaran yang dibuat melalui cek hendaklah berpaling "AKAUN PENERIMA BAYARAN SAHAJA" dan dibuat atas nama "Liberty General Insurance Berhad.
4. **PEMBAYARAN PREMIUM TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN**
Perlindungan insurans ini tidak akan berkuat kuasa melainkan premium telah dibayar dan telah di terima oleh Liberty General Insurance Berhad selaras dengan Peraturan-peraturan TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN.
5. Anda dinasihatkan untuk mencalonkan penama serta memastikan bahawa penama anda mengetahui tentang polisi kemalangan diri yang telah dibeli.
6. Polisi ini adalah terjemahan dalam versi Bahasa Malaysia. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan tafsiran, versi dan tafsiran Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
7. Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

SKALA FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL

Peraturan amaun berikut yang dinyatakan berkaitan dengan Hilang Upaya Kekal hendaklah dibayar sekiranya berlaku:-

Kehilangan Anggota Badan

- Mana-mana bahagian tangan kecuali jari-jari dan ibu jari)	
- Tangan di pergelangan tangan)	
- Mana-mana bahagian kaki kecuali jari kaki)	
- Semua jari dan ibu jari)	
- Penglihatan salah satu atau kedua-dua mata)	100%
- Seluruh mata)	
- Lumpuh menyeluruh)	

Kecederaan yang mengakibatkan terlantar sakit di katil yang berkekalan)
 Apa-apa kecederaan lain yang menyebabkan kecacatan menyeluruh yang berkekalan)

Kehilangan penglihatan mata kecuali persepsi cahaya)
 - Kanta mata) 50%

Kehilangan empat (4) jari & ibu jari satu tangan)

Kehilangan empat (4) jari 40%

Kehilangan ibu jari - kedua-dua falanks (tulang) 25%

Kehilangan ibu jari - satu falanks 10%

Kehilangan jari telunjuk - 3 falanks 10%

- 2 falanks 8%

- 1 falanks 4%

Kehilangan jari hantu - 3 falanks 6%

- 2 falanks 4%

- 1 falanks 2%

Kehilangan jari manis - 3 falanks 5%

- 2 falanks 4%

- 1 falanks 2%

Kehilangan jari kelengkeng - 3 falanks 4%

- 2 falanks 3%

- 1 falanks 2%

Kehilangan metakarpus - pertama atau kedua (setiap satu)

- ketiga, keempat atau kelima (setiap satu) 3%

2%

Kehilangan jari kaki - semua 15%

- ibu jari kedua-dua falanks 5%

- ibu jari satu falanks 2%

- selain ibu jari, setiap jari kaki 1%

Kehilangan pendengaran - kedua-dua telinga 75%

- satu telinga 15%

Kehilangan pertuturan - 50%

Kehilangan kekal keseluruhan penggunaan bahagian badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan bahagian badan.

Kehilangan mata bermaksud keseluruhan dan kehilangan pengamatan cahaya menyebabkan orang yang diinsuranskan menjadi buta secara kekal dan tidak boleh dipulihkan melalui pembedahan atau lain-lain rawatan.

Sekiranya kecederaan tidak dinyatakan Syarikat akan menerima pakai peratus cacat anggota di bawah skala di atas yang tidak selaras dengan peruntukan bagi faedah-faedah yang tersebut.

Agregat peratusan keseluruhan boleh bayar berhubung dengan mana-mana satu kemalangan hendaklah tidak melebihi 100%. Sekiranya jumlah 100% telah dibayar, semua insurans di bawah ini hendaklah serta-merta terhenti berkuat kuasa. Semua kehilangan lain yang lebih kecil daripada 100% jika telah dibayar hendaklah mengurangkan perlindungan Pihak Diinsuranskan sebanyak amaun itu dari tarikh kemalangan sehingga habis tempoh Polisi.

POLISI INI DIENDORS DENGAN

1. FASAL PEMBAYARAN FAEDAH

Penama dinamakan dalam Polisi ini atas permintaan Pihak Diinsuranskan dan bukan satu pihak dalam kontrak ini. Pembayaran apa-apa pampasan di bawah Polisi ini kepada penama hendaklah menurut penamaan dan/atau amanah dan/atau penyerahan hak, mengikut mana yang diterima pakai, seperti yang ditetapkan dalam keperluan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Sekiranya penamaan tidak dibuat dan Syarikat dikehendaki membayar pampasan pada Polisi ini di bawah Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Syarikat hendaklah membayar atas budi bicaranya dan apa-apa pembayaran sedemikian pada hakikatnya akan melepaskan tanggungan Syarikat bagi semua tuntutan dan liabiliti yang berikutnya.

2. KEKECUALIAN KEGANASAN

Dengan tidak menyentuh mana-mana peruntukan yang bertentangan dalam insurans ini atau apa-apa pengendorsan pada dokumen ini adalah dipersetujui bahawa insurans ini tidak termasuk kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan walau apa pun sifatnya yang secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau yang berhubung dengan apa-apa tindakan keganasan tanpa mengambil kira apa-apa sebab lain atau kejadian sumbangan acara yang serentak atau dalam apa-apa urutan lain dengan kerugian.

Bagi tujuan pengendorsan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman terhadap, mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak seorang diri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi kerajaan, dilakukan untuk tujuan politik, keagamaan, tujuan ideologi yang serupa termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk menyebabkan orang awam, atau mana-mana bahagian awam, berada dalam ketakutan.

Pengendorsan ini juga tidak termasuk kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan dalam bentuk apa pun sifatnya yang secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau yang berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil dalam pengawalan, pencegahan, menumpaskan atau dengan apa-apa cara yang berkaitan dengan apa-apa tindakan keganasan.

Jika syarikat mengatakan bahawa atas sebab kekecualian ini, apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang tidak dilindungi oleh insurans ini beban membuktikan sebaliknya hendaklah terletak pada Pihak Diinsuranskan. Sekiranya mana-mana bahagian pengendorsan ini didapati tidak sah tidak boleh dikuatkuasakan, bahagian selebihnya hendaklah kekal berkuat kuasa penuh dan dikuatkuasakan.

3. BONUS PEMBAHARUAN

Apabila pembaharuan Insurans dibuat, Jumlah pokok Diinsuranskan hendaklah ditambah 10% setiap tahun sehingga 50% Jumlah Pokok tanpa mengambil kira apa-apa tuntutan yang dibuat di bawah perbelanjaan perubatan, pembedahan pergigian atau pembedahan kosmetik dan pendapatan tunai hospital.

4. HAD SEKATAN DAN PENGECUALIAN

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat atau Malaysia.

PELUASAN YANG DIBENARKAN DI BAWAH POLISI DI DALAM

1. LENYAP

Sekiranya tempoh satu tahun telah berlalu, Syarikat telah memeriksa semua bukti yang boleh didapati dan tidak mempunyai sebab untuk mengandaikan selain daripada suatu kemalangan telah berlaku, lenyapnya Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap telah mengakibatkan kecederaan anggota dan membentuk suatu tuntutan di bawah Polisi ini. Dengan syarat jika pada bila-bila masa selepas tuntutan dibuat, Pihak Diinsuranskan ditemui hidup, apa-apa jumlah yang telah dibayar oleh Syarikat dalam penyelesaian tuntutan hendaklah dibayar balik kepada Syarikat.

2. PENDEDAHAN

Dengan syarat sekiranya Pihak Diinsuranskan mengalami kecederaan akibat pendedahan kepada unsur-unsur yang disebabkan oleh kemalangan yang diinsuranskan dalam polisi ini, maka kecederaan penyakit atau kematian tambahan sedemikian yang disebabkan oleh pendedahan akan dianggap sebagai tuntutan di bawah Polisi ini.

3. RISIKO MENUNGGANG MOTOSIKAL

Dengan ini dipersetujui bahawa polisi ini diperluas untuk melindungi Pihak Diinsuranskan ketika menunggang motor untuk tujuan persendirian atau perniagaan, sentiasa dengan syarat bahawa syarikat hendaklah tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa tuntutan yang timbul daripada perlumbaan, menentukan rentak atau penyertaan Pihak Diinsuranskan dalam apa-apa pertandingan kelajuan, kebolehpercayaan atau percubaan lain.

4. FASAL KEHILANGAN PERTUTURAN

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya Pihak Diinsuranskan menyerahkan tuntutan bahawa dia kehilangan daya pertuturannya secara kekal dan tidak boleh kembali seperti biasa yang dialami akibat kemalangan, tuntutan sedemikian akan dipertimbangkan selepas tamat tempoh setahun dari tarikh pemberitahuannya dengan syarat Pihak Diinsuranskan telah menyerahkan semua bukti yang berkaitan untuk penilaian dan pertimbangan syarikat dan dengan syarat selanjutnya Pihak Diinsuranskan tidak dapat memulihkan daya pertuturannya.

Adalah diisytiharkan dan dipersetujui selanjutnya bahawa jika pada bila-bila masa selepas pembayaran dibuat, Pihak Diinsuranskan didapati pulih daya pertuturannya, apa-apa jumlah yang telah dibayar dalam penyelesaian tuntutan hendaklah didapatkan balik oleh syarikat dari Pihak Diinsuranskan.

Kehilangan pertuturan hendaklah untuk tujuan Fasal ini, bermaksud ketidakmampuan menyeluruh berkekalan untuk berkomunikasi secara lisan dan kehilangan ini boleh dibayar sebanyak 50% Jumlah Diinsuranskan.

5. FASAL RISIKO PERTUKANGAN KAYU

Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa polisi ini diperluas untuk melindungi Pihak Diinsuranskan ketika dia melibatkan diri dalam penggunaan/pengendalian jentera pertukangan kayu.

SALURAN PENYELESAIAN ADUAN INSURANS ANDA

Pihak Diinsuranskan yang tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Kami boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan Kami dan sebagai alternatif boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan atau melayari BNMLINK, Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:

- a) **Unit Pengendalian Aduan**
Liberty General Insurance Berhad
Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur
No. Tel. : 03-2268 3333 or 1 300 88 8990
Emel : customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web : www.libertyinsurance.com.my
- b) **BNMLINK**
Bank Negara Malaysia
4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
e-Link : bnm.gov.my/BNMLINK
Laman Web : www.bnm.gov.my
- c) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**
(Dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)
No. Syarikat : 200401025885
Talian Am : +603 2272 2811
Alamat : Level 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Laman Web : www.fmos.org.my